



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

MEMULAKAN LAWATAN KERJA KE LONDON, UNITED KINGDOM UNTUK TARIK SOKONGAN DALAM PEMILIHAN SEMULA AHLI MAJLIS IMO

Sebagai sebuah negara maritim utama, Malaysia akan bersaing untuk dipilih semula ke Majlis Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) yang dijadualkan berlangsung pada 6 hingga 15 Disember 2021 dalam Perhimpunan Agung IMO kali ke-32.

Menjelang pemilihan Ahli Majlis IMO pada Disember ini, saya akan mengetuai delegasi yang terdiri daripada Bahagian Maritim Kementerian Pengangkutan, Institut Maritim Malaysia (MIMA) dan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) ke London, UK dalam lawatan kerja rasmi bermula 14 hingga 20 Oktober 2021 bagi meraih sokongan supaya Malaysia kekal dipilih semula untuk menganggotai IMO.

Kami akan menghadiri siri perbincangan mengenai hal-hal maritim, terutama yang berkaitan dengan Perhimpunan Agung IMO, termasuk mengadakan kunjungan hormat ke atas Setiausaha Agung IMO, Tuan Yang Terutama Kitack Lim di London. Perbincangan lain akan turut menyentuh mengenai kesejahteraan pelaut, kelestarian dan pembangunan industri serta kepakaran dalam industri maritim. Mesyuarat ini merupakan langkah penting untuk membantu Malaysia mengekalkan kerusi Ahli Majlis yang disandang selama lapan penggal berturut-turut iaitu sejak penggal 2006/2007.

Kedudukan Malaysia sebagai negara maritim utama di Selat Melaka dan Laut China Selatan terus menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi negara yang berterusan dalam perdagangan global. Tanggungjawab kita bukan hanya kepada diri sendiri tetapi juga bertindak sebagai perwakilan untuk negara-negara pesisir lain yang tidak mempunyai keahlian dalam IMO.

Pemilihan semula menduduki Ahli Majlis IMO, di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ini akan menjadikan Malaysia salah sebuah negara penting sebagai pembuat dasar. Untuk jangka masa dua tahun mendatang, Malaysia akan mempunyai platform untuk menyuarakan kebimbangan dan mengemukakan cadangan-cadangan yang akan menentukan kelestarian pembangunan seluruh industri maritim.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

BEGINNING WORKING VISIT TO LONDON, UNITED KINGDOM TO RALLY SUPPORT FOR IMO COUNCIL RE-ELECTION

As a major maritime nation, Malaysia will be vying to be re-elected to the International Maritime Organization's (IMO) Council, scheduled to be held during the 32nd session of the IMO Assembly on 6-15 December 2021.

Ahead of the December IMO election, I will be leading a delegation comprising the Ministry's maritime division, maritime Institute of Malaysia (MIMA) and Port Klang Authority (PKA) to London, UK on a working visit from 14 to 20 October 2021 to make our case for Malaysia's re-election.

We will be attending a series of discussions on maritime matters, particularly those related to the IMO Assembly, including paying a courtesy call to His Excellency Secretary General of the IMO Mr Kitack Lim in London. Other discussions will be touching on seafarers' welfare, sustainability and development of the maritime industry and its supporting industries and human talent. These meetings are important steps towards helping Malaysia retain the Council seat it has held for 8 consecutive terms since the 2006/2007 term.

Malaysia's position as a major maritime nation on the Straits of Malacca and the South China Sea continues to be prime fuel for Malaysia's sustained economic growth in globalised trade. Our responsibilities are not just to ourselves but also to act as a representative for other littoral states, Least Developed Countries and Small Islands Developed States which may not have a membership in the IMO.

A successful re-election to the IMO Council, the UN body's highest authority, keeps Malaysia at the IMO table to decide policies to which the IMO should be heading. For a two-year term, Malaysia will have an avenue to voice concerns and raise proposals that would determine a sustainable development of the entire maritime industry.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
14 OKTOBER 2021

-TAMAT-

Pertanyaan Media:

Kementerian Pengangkutan Malaysia

Hotline 1800-88-7723
Faks +603 8892 0208
E-mel aduan@mof.gov.my

